

Dasar Sulit Kumpulan Syarikat Rockwills

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Rockwills akan memastikan data peribadi anda terpelihara. Justeru, kami ingin memaklumkan bahawa kami akan mengikuti rang undang – undang yang berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan pengurusan data peribadi anda.

Di bawah dasar ini, kami akan memastikan bahawa penggunaan data ini hanya untuk Perniagaan dan Perkhidmatan yang dijalankan oleh Rockwills sahaja. Untuk makluman, anda boleh melayari laman sesawang kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang dasar ini.

Data yang akan diterima oleh Rockwills atau pemegang francais Rockwills seperti di bawah:

- Nama
- No. Kad Pengenalan / No. Pasport.
- Maklumat Keluarga
- Maklumat Butiran termasuk Nombor Telefon Rumah, Nombor Telefon Bimbit, Alamat Email dan Alamat surat menyurat
- Lain – lain maklumat peribadi yang diperoleh daripada sebarang dokumen undang – undang termasuk Polisi Insurans, Surat Pentadbiran, Pemberian Probet, Surat Kuasa Wakil, Sijil Kelahiran dan Sijil Kematian

Bagaimana data peribadi dikumpulkan:

- Apabila anda mendaftar untuk membeli produk dan perkhidmatan daripada kami atau francais kami
- Apabila anda berminat untuk mendaftar dengan kami atau francais kami dengan membeli produk dan perkhidmatan
- Apabila anda menghadiri ceramah dan seminar
- Apabila anda melawat laman sesawang atau laman sosial kami
- Dari mana – mana syarikat dalam *International Group Rockwills*
- Dari pelbagai urusan niaga atau pertanyaan atau komunikasi yang dibuat dengan atau kepada kami atau francais kami
- Daripada sumber pihak ketiga seperti “credit reference agencies” , “fraud prevention agencies” dan sumber maklumat yang ada secara terbuka

Perkhidmatan perancangan harta kami merangkumi penyediaan Wasiat dan Amanah, kami akan memproses data yang telah dikumpul bagi tujuan seperti berikut;

- Untuk memudahkan penulisan wasiat dan instrumen perancangan harta lain seperti yang anda inginkan
- Untuk memudahkan penggubalan amanah seperti yang anda inginkan
- Untuk tujuan bil dan kewangan, termasuk bayaran untuk perkhidmatan Rockwills (dan semua transaksi yang berkaitan dengannya), perakaunan dan cukai
- Untuk tujuan pentadbiran
- Untuk memenuhi keperluan perundangan
- Untuk tujuan perhubungan
- Untuk menjawab pertanyaan anda
- Untuk menjalankan penyelidikan serta analisis statistik
- Untuk membantu kami mengawal dan meningkatkan produk serta mutu perkhidmatan yang ditawarkan
- Memberi maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Rockwills, syarikat yang berkenaan dan rakan kongsi kepada anda dari semasa ke semasa
- Untuk tujuan pemasaran
- Menyediakan maklumat terkini tentang produk dan perkhidmatan

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya anda dapat menyediakan data yang diperlukan kepada kami. Sekiranya pihak kami tidak menerima maklumat tersebut, pihak kami tidak dapat menyediakan anda produk dan perkhidmatan yang terkini berhubung dengan perancangan harta ini.

Untuk makluman, bagi memudahkan tujuan di atas dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda. Pihak kami boleh memproses, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga iaitu:

- Syarikat-syarikat dalam Kumpulan Rockwills
- Francaisi kami dan pembekal perkhidmatan (termasuk di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan tujuan pengumpulan data peribadi;
- Pembekal Perkhidmatan kami, Perunding, Juruaudit dan Penasihat bagi pengetahuan asas.
- Pihak Berkuatkuasa dan Agensi-agensi Penguatkuasaan
- Mana-mana Mahkamah Undang-undang atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan atau prosedur Undang-undang dan
- Sesiapa yang berada di bawah tugas yang telah diamanahkan untuk penyimpanan data sulit

Jika anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau pembetulan data peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami, secara bertulis ke alamat berikut:

**Personal Data Protection Officer,
Wisma Rockwills,
No.62, Jalan 2/131A,
Off Jalan Klang Lama,
58200 Kuala Lumpur**

Sebarang permintaan untuk pembetulan data peribadi mungkin tertakluk kepada terma dan syarat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Jika anda memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses data peribadi, anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi, secara bertulis seperti di atas.

Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Dasar Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.